

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH DAN SALAM SEJAHTERA,
SALAM PENANG2030,**

Warga Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTG) yang saya kasihi, sempena genap setahun saya berkhidmat di PTG Pulau Pinang sebagai Pengarah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua yang telah membantu dan menyokong saya dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah sebagai Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang sebaiknya. Sebagai bukti komitmen saya meneruskan amanah dan tanggungjawab ini, izinkan saya berkongsi visi saya untuk PTG Pulau Pinang bagi tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2025 sehingga 2030 untuk dihayati bersama.

Visi ini saya telah kongsi semasa Perhimpunan Bersama Warga PTG pada akhir tahun 2024, kemudiannya dibentangkan semasa sesi bicara ilmu pada 10 Januari 2025 dan yang terkini, saya telah bentangkan Kerangka Pelan Strategik PTG Pulau Pinang 2025-2030 dalam Mesyuarat Pengurusan PTG baru-baru ini.

Perbincangan mengenai draf kerangka Pelan Strategik PTG 2025-2030 ini masih lagi berlangsung dan saya berharap semua bahagian akan dapat memberi buah fikiran yang bernas dan tuntas terhadap draf pelan strategik tersebut sebelum ianya dimuktamadkan.

Untuk menjayakan Pelan Strategik PTG 2025-2030, adalah penting untuk kita semua berpegang kepada visi dan misi yang sama mengandungi Lima (5) Prinsip Asas yang akan menjadi teras kepada organisasi PTG dalam melaksanakan strategi-strategi PTG dalam tempoh lima tahun mulai sekarang sehingga 2030. Prinsip-prinsip asas ini harus disemai, disiram, dibaja dan dipelihara sebaiknya agar ia berputik dan mekar dalam diri setiap individu yang bergelar Warga PTG.

PRINSIP PERTAMA: INSANI (PEOPLE COME FIRST)

Prinsip pertama ini memberi tumpuan kepada nilai-nilai kemanusiaan dalam organisasi PTG. Ini adalah kerana warga kerja dalam sesuatu organisasi adalah aset yang paling bernilai dan perlu sentiasa diutamakan.

Pengurusan tertinggi organisasi yang dipimpin oleh Pengarah PTG dan pegawai-pegawai kanan perlu memberi perhatian terhadap kompetensi, kemajuan kerjaya, kebajikan, motivasi setiap insan yang bertugas di PTG. Mewujudkan perasaan keseronokan bekerja di kalangan Warga PTG harus menjadi agenda utama setiap bahagian di PTG.

Warga PTG pula perlu sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam menyantuni setiap pelanggan dan orang awam bagi memastikan mereka menerima perkhidmatan dan layanan terbaik daripada Warga PTG dalam setiap urusan dan permasalahan mereka.

Di PTG, kita menekankan kepada prinsip-prinsip asas berkaitan insan iaitu *People Come First*, *Client's Satisfaction is Our Priority* dan *Charity Begins At Home*.

PRINSIP KEDUA: INTEGRITI

Integriti harus menjadi obsesi semua Warga PTG.

Elemen seperti disiplin, jujur, ikhlas, akauntabiliti, bertanggungjawab, amanah dan bencikan rasuah harus dipupuk dan diamalkan dalam diri setiap Warga PTG.

PRINSIP KETIGA: PENGUPAYAAN (CAPACITY BUILDING)

Pengupayaan merujuk kepada aspek memperkasakan setiap individu secara menyeluruh (wholesome) dan meningkatkan keupayaan dan potensi Warga PTG untuk mencipta kejayaan.

Usaha ke arah ini termasuklah pembangunan kompetensi, pembangunan daya kepimpinan, pengukuhan sikap dan disiplin diri serta membudayakan *long life learning* dan *continuous improvements* bagi menyokong pembangunan kerjaya Warga PTG yang lebih cemerlang.

PRINSIP KEEMPAT: KUALITI (QUALITY)

Kualiti merujuk kepada setiap keberhasilan (output) oleh PTG harus mencapai piawai atau standard yang tertinggi dan berkualiti. Setiap Warga PTG harus mengamalkan prinsip *doing right the first time*, melaksanakan tugas dengan cekap dan cepat berdasarkan kepada prinsip *low cost, high impact* dan berusaha menjadikan PTG Pulau Pinang sebagai penanda aras atau benchmark kepada semua jabatan dalam perkhidmatan awam.

PRINSIP KELIMA: BUDAYA CEMERLANG (CULTURE OF EXCELLENCE)

Prinsip atau nilai ini bertujuan untuk memupuk satu budaya atau kebiasaan di kalangan Warga PTG bahawa kecemerlangan adalah satu norma atau etika kerja yang diamalkan. Setiap individu dalam organisasi PTG ini harus sentiasa berusaha memberikan yang terbaik dalam semua aspek tugas dan kehidupan.

Akhirulakhir, itulah lima prinsip utama yang akan menjadi tonggak kepada organisasi PTG menuju tahun 2030. Lima prinsip yang menunjangi PTG ini harus bersifat dinamik dan tidak kaku (rigid). Kandungan kepada kesemua prinsip ini harus ditambahbaik dari masa ke semasa agar ianya kekal relevan dan memenuhi keperluan dan perkembangan semasa menjelang tahun 2030.

Saya berharap semua Warga PTG dapat menghayati lima prinsip asas ini sebaiknya, bersedia menerimanya sebagai satu visi dan misi yang dikongsi bersama (shared vision) dan seterusnya mengamalkannya sebagai satu budaya kerja dan etika kerja yang kita semua banggakan.

Kemuncak pencapaian atau *the ultimate goal* kepada visi dan misi ini adalah: Kecemerlangan individu secara kolektif akan memandu dan memacu organisasi PTG Pulau Pinang menjadi organisasi yang cemerlang dan disegani dalam Perkhidmatan Awam. Wassalam.

DR. FAIZAL KAMARUDIN
PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG
15 APRIL 2025